

# Berkatilah kehidupan anda dengan berbuat baik kepada ibu bapa

HARI demi hari Ramadan semakin berlalu, sedih dan sayu terasa dalam hati malah terfikir adakah masih ada



**BICARA KAMPUS**

Oleh **ZAITON MOHAMAD**  
zaitonmohamad@yahoo.com

peluang untuk Ramadan yang akan datang? Mungkin bagi kanak-kanak Ramadan berlalu disambut dengan penuh kegembiraan kerana hari raya akan bakal menyusul; namun bagi insan yang bertaqwa kepada Allah melihat berlalunya Ramadan dengan penuh kesyahduan.

Apatah lagi merasakan bulan Ramadan adalah bulan yang paling mulia berbanding bulan-bulan yang lain sepanjang tahun untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT. Namun begitu sebagai hambaNYA setiap muslim perlu Redha dengan berlalunya Ramadan dan bersedia dengan menyambut Syawal yang bakal tiba.

Bagi musafir-musafir yang berjauhan daripada keluarga semakin terasa kesayuan kerana dicorong-corong radio, televisyen dan sebagainya - lagu-lagu hari raya sering kali diputarkan. Sudah tentu kenangan lama terbayang-bayang di fikiran. Kehidupan berjauhan daripada ibu bapa dan ahli keluarga memberikan keinsafan bahawa hidup tidak seindah mimpi. Hal ini disebabkan semakin seseorang mengejar kebendaan dalam mencari rezeki maka semakin laju rezeki menjauhkan diri kecuali dengan adanya keberkatan dan kasih sayang daripada kedua ibu bapa maka rezeki akan menyerah diri dan hadir di depan mata dengan begitu mudah.

Oleh sebab itu, sepanjang Ramadan dan menjelang Aidilfitri ini ambillah peluang untuk berbakti kepada mereka sebaik mungkin kerana belum tentu Ramadan yang akan datang kita bersama ibu bapa ataupun orang-orang yang kita sayangi. Oleh itu, ambillah peluang untuk kembali kepangkuan mereka dengan penuh keinsafan malahan layani mereka sebaik mungkin kerana keberkatannya amat hebat yang akan berlaku dalam hidup anda.

Namun begitu ada juga sesetengah manusia tidak mempunyai hubungan yang baik dengan kedua ibu bapa. Dalam hal ini walaupun pernah mengalami terguris emosi kerana perbuatan ibu bapa seharusnya mereka redha dan memohon maaf daripada keduanya kerana tanpa mereka maka tidak akan lahir seorang insan. Justeru itu perasaan ingin memeluk ibu bapa dan sanak saudara perlu disemat di sanubari untuk memastikan diri tidak mengalami emosi yang beku untuk saling memaafi diri dan orang lain.

Insan yang berjaya memaafkan diri sendiri dan orang lain lebih mempunyai nilai di sisi Allah kerana mengakui kelemahan diri sebagai hamba yang daif. Oleh sebab itu, walaupun ibu bapa pernah menyentak emosi anda seharusnya anda bersyukur kerana tanpa tindakan itu kemungkinan anda tidak mampu bangkit dari dunia kegelapan anda sendiri. Seburuk mana sekalipun ibu bapa mereka tetap insan yang wajib dihormati.

Namun dewasa kini semakin ramai lelaki yang bergelar suami hanya taat pada isteri sedangkan si isteri tidak taat kepada suami sebaliknya kepada ibunya. Malah merasakan diri terlebih hebat dan boleh mengawal suaminya. Keadaan ini memberi kesan kepada sebelah pihak yang lain yang mengundang kepada ketidakpuasan hati. Dalam hal ini seharusnya golongan suami perlu bijak memainkan peranan. Hanya golongan suami yang berilmu sahaja yang mampu menyelesaikan secara harmoni.

Oleh sebab itu, Ramadan dihadirkan untuk mengikis sikap ego dan mementingkan diri sendiri dengan merasai kelaparan, kehausan, mengawal hawa nafsu dan sebagainya serta memberi peluang kepada hambanya untuk berfikir tentang diri sendiri dan peranannya kepada ibu bapa, suami, isteri, anak-anak, masyarakat, agama dan negara. Nescaya orang yang melihat dan berfikir tentang kelebihan Ramadan akan lebih menginsafi diri dan tidak akan wujud sikap negatif yang dominan dalam mengatur kehidupan berkeluarga.

\* Penulis adalah Pegawai Psikologi Kanan, UMS